

Pak Lah arah polis segera siasat SMS

BH - 7/11/2006
| SLAMABAD: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan polis membuat siasatan segera dan mengambil tindakan keras terhadap mereka yang menyebarkan khidmat pesanan ringkas (SMS) mendakwa sejumlah orang Islam akan dibaptiskan di sebuah gereja di Ipoh.

Perdana Menteri menyifatkan tindakan mereka yang menyebarkan SMS itu berniat jahat dengan tujuan untuk menimbulkan kemarahan dan mencetuskan ketegangan kaum di negara ini.

"Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan sudah memaklumkan mengenainya kepada saya dan memberitahu tidak orang Melayu yang akan dibaptiskan di gereja berkenaan.

"Saya juga mendapat laporan disebabkan SMS itu, ada pihak yang mula nak mengambil tindakan dan sebagainya. Ini pada saya, satu perbuatan yang nakal (menghantar SMS).

"Sesiapa yang bertanggungjawab menyebarkan SMS itu perlu dihukum dengan keras, kerana ia dilakukan dengan niat dan tujuan untuk menimbulkan kemarahan, reaksi yang boleh membawa kepada keadaan negara kita berada dalam ketegangan," katanya kepada wartawan Malaysia sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas menghadiri Forum Ekonomi Islam Sedunia di sini, petang semalam.

"Saya sudah kerap kali nyatakan isu agama adalah sensitif, tidak boleh dipermainkan dan dijadikan bahan lawak hingga boleh menyebabkan keadaan tergegar atau terkejut," katanya.

Abdullah menasihatkan orang ramai yang menerima SMS seperti itu supaya jangan melayan atau menyebarkannya.

Mengenai tindakan akhbar *Weekend Mail* keluaran terbaru menyiarkan artikel berbaur seks, Abdullah berkata, laporan seperti itu tidak wajar disiarkan di akhbar dan tidak dijadikan perkara untuk dibincangkan secara terbuka.

Ditanya mengenai pembebasan Sukma Darmawan Sasmitaat Maja selepas pihak pendakwaan menggugurkan tuduhan meliwat kerana tidak ada bukti, Abdullah berkata: "Itu keputusan mahkamah".